

# Merealisasikan impian Dr. Mahathir

UM 25 JUN 2003

**K**UALA LUMPUR 24 Jun — Penganjuran Konvensyen Antarabangsa Mengenai Dinar Emas di sini bulan depan merupakan satu lagi langkah ke arah merealisasikan hasrat penggunaan dinar emas sebagai medium perdagangan di kalangan negara Islam sedunia.

Dewan Perdagangan Islam Malaysia (DPIM), Wilayah Persekutuan, yang menganjurkan konvensyen itu berharap ia akan menjadi medan penting untuk membincangkan jalan terbaik bagi penggunaan dinar emas sebagai medium alternatif dalam perdagangan antarabangsa.

Naib Presiden DPIM, Datuk Raja Mohammad Abdullah berkata: "Sudah tentu kita dapat merumuskan satu cadangan yang konkrit yang dapat membantu membangunkan ekonomi negara-negara dunia ketiga termasuk negara Islam di seluruh dunia."

"Kita juga berharap penganjuran konvensyen itu tepat pada masanya dan dapat merealisasikan impian Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengenai pelaksanaan dinar emas," ujar beliau dalam satu kenyataan, di sini hari ini.



Raja Mohamad yang juga Setiausaha DPIM Wilayah Persekutuan berkata, pihak beliau berharap lebih 500 peserta yang dijangka akan mengambil bahagian di dalam konvensyen ini nanti akan berpeluang bertukar-tukar pendapat dan mengemukakan pandangan yang efektif dan bermakna demi penggunaan dinar emas.

Konvensyen sehari itu akan diadakan di Pusat Perdagangan Dunia Putra (PWTC) pada 1 Julai ini dan dijadual akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Konvensyen itu akan menampilkan beberapa tokoh tempatan dan antarabangsa yang menyampaikan ceramah dan mengambil bahagian di dalam perbincangan-perbincangan pakar yang akan diadakan kelak.

Antara penceramah yang

bil bahagian ialah Pengarah Kanan Institutional and Private Banking Swiss Asia Capital (S) Pte. Ltd., Ralston C.Thiedeman, yang akan membincangkan mengenai kesan dinar emas ke atas pasaran antarabangsa.

Lain-lain penceramah termasuklah: Pengarah Dinar & Dirham International Sdn. Bhd., Pengiran Abdalhamid David Evans, yang akan membentangkan kertas kerja mengenai dinar emas wadah bagi perpaduan; dan pengasas Sinar Magazine, Pengiran Umar Azmon Amir Hassan, mengenai dinamik dinar dan pulangannya.

Menurut Raja Mohamad, penyertaan masih terbuka dan mereka yang berminat boleh menghubungi urusan konvensyen melalui talian 03-61842937 atau Faks 03-61877943 atau bercakap dengan Datuk Rozali Che Pin atau Cik Shoba untuk mendaftar atau mendapat keterangan lanjut.

Katanya, setiap ahli Dewan Perdagangan Islam dikenakan bayaran RM100 manakala bukan ahli dikenakan bayaran RM400. Diskaun khas juga disediakan kepada ahli korporat.

terlibat ialah Penolong Pengarah Jabatan Antarabangsa Bank Negara Malaysia, Wan Anisah Wan Ibrahim, yang akan menyetujui mengenai dinar emas sebagai mata wang antarabangsa alternatif.

Turut juga akan mengam-